



Headline: Ahli perniagaan kerugian RM140,679 ditipu Macau Scam Language: Malay

Publication/Portal: Berita Harian

Section: Nasional

Date: 22 February 2022

Page: 18

Ahli perniagaan kerugian RM140,679 ditipu Macau Scam

Kota Bharu: Seorang ahli perniagaan kerugian RM140,679 selepas diperdaya sindiket Macau Scam yang menggunakan taktik menyamar sebagai pegawai Telekom Malaysia Berhad (TM).

Lebih malang, sebahagian besar wang ditipu sindiket itu turut membabitkan simpanan milik ibu mangsa, kononnya untuk siasatan bagi pembabitkan dalam kes pelaburan dan pengubahan wang haram.

Ketua Polis Kelantan, Datuk Shafien Mamat, berkata mangsa yang berusia lingkungan 20-an menerima panggilan telefon daripada suspek yang menyamar sebagai pegawai TM Point pada 11 Februari lalu.

"Suspek mendakwa identiti mangsa digunakan untuk mendaftar talian yang terbabit kes jenayah siber, sebelum

panggilan disambungkan kepada dua individu lain kononnya pegawai polis berpangkat Sarjan dan Inspektor.

"Berdasarkan perbualan lanjut, mangsa dimaklumkan semakan 'polis' mendapati identitinya turut mempunyai kaitan dengan kes pengubahan wang haram bersama satu sindiket pelaburan diketuai seorang individu, yang mana mangsa dikatakan sudah memindahkan wang RM400,000 ke akaun bank milik individu berkenaan.

"Mangsa yang menafikan pembabitannya dinasihati meminta bantuan suspek berikutnya bernama 'ACP Datuk Mohd Fazley' yang berjanji membantunya," katanya menentus kenyataan di sini, semalam.

Shafien berkata, bagi membantu siasatan 'pihak

polis', mangsa diarah menyerahkan maklumat perbankan internet, iaitu nama pengguna dan kata laluan serta nombor kad pengeluaran wang automatik (ATM) serta nombor Kod Pengesahan Transaksi (TAC) akaun bank miliknya.

Katanya, mangsa juga diarah menyerahkan maklumat membabitkan akaun bank milik ibunya atas alasan untuk siasatan bagi mengesahkan sama ada ibunya turut terbabit atau tidak dengan kes pelaburan berkenaan serta pengubahan wang haram.

"Mangsa kemudian menyedari 15 transaksi pindahan wang berjumlah RM140,679 dilakukan daripada bank miliknya dan ibunya yang mana hampir RM100,000 daripada akaun bank milik ibunya antara 11 hingga 15 Februari lalu," katanya.